

**JADUAL PEMATUHAN DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI
SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER MESIN PENCETAK
DI MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2022**

No. Sebutharga: MSN/SH/033/2022 (S)

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Sila nyatakan persetujuan pembekal/syarikat pada ruang "Kenyataan Persetujuan Syarikat/Pembekal" dengan jelas. Sila nyatakan maklumat tambahan pada ruang catatan (jika ada).

BIL.	SPESIFIKASI BEKALAN TONER MESIN PENCETAK		KENYATAAN PERSETUJUAN SYARIKAT/PEMBEKAL (YATI DAK)	CATATAN (JIKA ADA)
1.	Janis Bekalan			
	1.1	Syarikat mempunyai kod bidang pembekalan bekalan TONER (020601 - Alatulis) yang masih berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mestilah bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera dan sijil pendaftaran masih berkuatkuasa.		
2.	Skop Bekalan			
	2.1	Syarikat berkeupayaan membekalkan TONER sepertimana dalam tawaran sebut harga di Majlis Sukan Negara Malaysia Bukit Jalil Kuala Lumpur (LAMPIRAN A).		
	2.2	Syarikat bersetuju kesemua TONER yang dibekalkan hendaklah mempunyai tempoh jaminan (waranti) sekurang-kurangnya DUA (2) TAHUN ke hadapan dari tarikh penghantaran.		
	2.3	Syarikat bersetuju mengemukakan tawaran kepada semua item yang diperlukan dan kegagalan dalam menawarkan salah satu item tersebut akan mengakibatkan tawaran sebut harga TIDAK akan dipertimbangkan.		

BIL.	SPESIFIKASI BEKALAN TONER MESIN PENCETAK		KENYATAAN PERSETUJUAN SYARIKAT/PEMBEKAL (YA/TIDAK)	CATATAN (JIKA ADA)
3.	Tempoh Perkhidmatan Bekalan			
3.1		Syarikat bersetuju membekalkan TONER dalam tempoh SEGERA bermula dari tarikh Pesanan Tempatan dikeluarkan.		
3.2		Syarikat bersetuju memberikan perkhidmatan khidmat sokongan bagi permasalahan yang melibatkan TONER yang dibekalkan bagi tempoh DUA TAHUN bermula dari tarikh penghantaran diterima.		
3.3		Syarikat bersetuju bahawa pihak Majlis Sukan Negara Malaysia berhak menentukan tarikh permulaan bekalan.		
4.	Barangan Bekalan			
4.1		Syarikat bersetuju bahawa TONER yang dibekalkan hendaklah merupakan bahan yang TULEN, BARU dan BELUM DIGUNAKAN. TONER hendaklah ASLI bukannya <i>refill</i> . Pihak Majlis Sukan Negara Malaysia berhak menolak mana-mana bekalan TIRUAN atau TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI yang ditetapkan. Bekalan yang ditolak hendaklah diganti dengan yang tulen.		
4.2		Syarikat bersetuju Majlis Sukan Negara Malaysia berhak mengarahkan membawa Contoh TONER kepada pengedar pencetak yang berkenaan sekiranya berlaku syak ketidaktulenan bekalan bagi tujuan pengesahan.		
4.3		Syarikat hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian TONER secara rawak apabila dikehendaki.		

BIL.	SPESIFIKASI BEKALAN TONER MESIN PENCETAK		KENYATAAN PERSETUJUAN SYARIKAT/PEMBEKAL (YA/TIDAK)	CATATAN (JIKA ADA)
4.4	Syarikat memberi jaminan mutu selama DUA (2) TAHUN dari tarikh penghantaran /penerimaan (toner yang bocor) dan hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.			
4.5	Syarikat bersetuju TONER yang dibekalkan sekurang-kurangnya mempunyai tarikh luput minima DUA (2) TAHUN ke hadapan dari tarikh penghantaran.			
4.6	Syarikat bersetuju barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.			
4.7	Syarikat bersetuju segala perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang - barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh syarikat tanpa melibatkan sebarang kos kepada Majlis Sukan Negara Malaysia			
4.8	Syarikat bersetuju mendapatkan sijil wakil sah pengedar daripada pengeluar/pengeluar produk dan dilampirkan bersama dokumen sebut harga ini.			

BIL.	SPESIFIKASI BEKALAN TONER MESIN PENCETAK		KENYATAAN PERSETUJUAN SYARIKAT/PEMBEKAL (YATI DAK)	CATATAN (JIKA ADA)
5.	Lokasi dan Masa Penghantaran Bekalan			
5.1		Syarikat bersetuju membuat penghantaran ke Cawangan Pentadbiran Bahagian Khidmat Pengurusan Majlis Sukan Negara Malaysia		
5.2		Syarikat bersetuju membekal dan menghantar TONER pada waktu bekerja dari Isnin hingga Jumaat pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau mengikut ketetapan Majlis Sukan Negara Malaysia dari semasa ke semasa.		
6.	Syarat-syarat lain Bekalan			
6.1		Syarikat bersetuju bahawa Majlis Sukan Negara Malaysia berhak menamatkan tawaran sebutharga dengan syarikat yang berjaya dan telah gagal/ingkar dalam mematuhi spesifikasi, arahan atau peraturan-peraturan lain bekalan TONER yang dinyatakan dalam dokumen tawaran sebut harga.		
6.2		Syarikat bersetuju bahawa Majlis Sukan Negara Malaysia berhak untuk mengurangkan kuantiti sekiranya perlu dan harga kos seunit hendaklah kekal seperti harga di dalam Jadual Tawaran Harga (LAMPIRAN A).		

Saya dengan ini mengakui bahawa kenyataan persetujuan ini adalah betul dan tidak boleh dipinda sepanjang tempoh sah laku perolehan ini berkuatkuasa.

Tandatangan

Nama

Jawatan

No. Kad Pengenalan

Cop Syarikat

Tarikh